

SOALAN NO: 387

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Bertulis  
**DARIPADA** : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary  
[Bachok]  
**SOALAN** : Tuan Ahmad Marzikh bin Shaary  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
jumlah keluasan tanah penanaman padi  
yang telah ditukar status kepada  
kawasan penempatan mengikut kategori  
negeri. Apakah Kementerian menyedari  
adalah lebih penting mempertahankan  
kawasan padi sedia ada yang sudah  
mempunyai infra saliran dan jalan  
berbanding usaha membuka kawasan  
baru. Nyatakan kos perbandingan  
pembukaan kawasan baru penanaman  
padi dan pemulihan tanah terbiar

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Di Semenanjung Malaysia, jumlah kawasan pabel padi telah menunjukkan pengurangan sebanyak 37,553 hektar atau 11.71% dalam tempoh lima (5) tahun iaitu daripada 320,931 hektar pada

tahun 2009 kepada 283,378 hektar pada tahun 2013. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah keluasan pabel padi bagi Semenanjung Malaysia mengikut negeri bagi tahun 2009-2013:-

**Jadual 1: Keluasan Pabel Padi bagi Semenanjung Malaysia, 2009-2013**

Negeri	2009	2010	2011	2012	2013
	Keluasan Pabel (ha)	Keluasan Pabel (ha)	Keluasan Pabel (ha)	Keluasan Pabel (ha)	Keluasan Pabel (ha)
Johor	2,171	2,171	1,911	1,911	1,911
Kedah	116,571	116,571	112,858	112,858	110,152
Kelantan	63,390	63,390	47,907	47,907	46,703
Melaka	4,051	4,051	3,827	3,827	2,121
N. Sembilan	2,104	2,104	2,150	2,150	2,135
Pahang	6,976	6,976	8,048	8,048	7,835
Perak	44,862	44,862	43,276	43,276	42,530
Perlis	26,090	26,090	26,090	26,090	26,090
Pulau Pinang	12,782	12,782	12,782	12,782	12,782
Selangor	18,814	18,814	19,021	19,021	19,021
Terengganu	23,120	23,120	14,630	14,630	12,098
<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>320,931</b>	<b>320,931</b>	<b>292,500</b>	<b>292,500</b>	<b>283,378</b>

*Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia, 2013*

Nota: Pabel padi adalah sekeping tanah yang pada kebiasaannya digunakan untuk penanaman padi

Pengurangan kawasan pabel tanaman padi adalah disebabkan oleh tanah-tanah ditukar syarat bagi tujuan perumahan, komersil, pembagunan industri penternakan, tanaman dan sebagainya. Justeru itu, pembukaan kawasan tanaman padi baru juga adalah wajar bagi meningkatkan keluasan pabel tanaman padi dan seterusnya meningkatkan jumlah pengeluaran padi negara.

Kementerian sememangnya menyedari adalah lebih penting mempertahankan kawasan padi sedia ada yang mempunyai infrastruktur pengairan, saluran dan jalan ladang berbanding usaha membuka kawasan baru. Kos pembangunan dan pembukaan kawasan baru penanaman padi dan pemulihan tanah terbiar tidak dapat dinyatakan secara tepat kerana ia bergantung kepada keadaan semasa kawasan tersebut. Walaubagaimanapun, secara kasar anggaran kos pembangunan infrastruktur pengairan dan saluran pertanian di Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang RM30,000.00 sehektar.

Untuk membuka satu kawasan penanaman padi, kos tambahan yang diperlukan melibatkan kajian penentuan sumber air, kajian impak alam sekitar bergantung kepada saiz pembukaan tanah dan pengambilan balik tanah antara kos tambahan yang diperlukan. Selain daripada itu, pembukaan kawasan penanaman padi yang baru akan melibatkan masa yang lama untuk direalisasikan.

Justeru itu, Kementerian sentiasa berusaha untuk mengekalkan kawasan tanaman padi sedia ada dengan kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain seperti jalan ladang dari semasa ke semasa.